

# LAMAN

KULIM-BERSIH-INDAH-MAJU-SELAMAT

# ALLAMANDA



Bicara Transformasi MPKK | Edisi 2/2021



KIBAR JALUR GEMILANG



KUMPULAN INOVASI SPAH-Q



OPERASI PEMATUHAN PKP

# ISI KANDUNGAN

Operasi Pematuhan SOP 3

Program Vaksin Covid-19 4

Lensa MPKK 5

Inovasi SPAH-Q 6

Pematuhan SOP di  
Market Kulim 7

Penutupan Taman Tasik Putra 8

Selamat Hari Pekerja Kebersihan 9

Operasi Pematuhan SOP 10

Kerja-kerja 11

Gotong-royong 12

Jalur Gemilang 13

Lensa MPKK 14

MOVAK Mobilisasi 15

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

Yang Dipertua MPKK  
Dr. Haji Nadzman Bin Haji Mustaffa,  
AMK.,BCK.

### PENASIHAT

Puan Setiausaha MPKK  
Cik Amal Binti Zubir,  
BCK.

### KETUA PENGARANG

Puan Munira Binti Abdul Rahim  
Ketua Unit komunikasi Korporat dan  
Perhubungan Awam

### PENGARANG

Encik Hasril Hafiz Bin Abdul Halim  
Nurfarahin Binti Jefri

### JURUFOTO

Encik Hasril Hafiz Bin Abdul Halim  
Encik Syaiful Adnan Bin Othman  
Encik Khairul Syafiq Bin Shahari  
Encik Che Zubillah Bin Rosly

## MAJLIS PERBANDARAN KULIM

No 1 Lebuh Bandar 2, Bandar Putra,  
09000 Kulim Kedah Darul Aman



04-4325225



04-4325229



[www.mpkk.gov.my](http://www.mpkk.gov.my)



[info@mpkk.gov.my](mailto:info@mpkk.gov.my)



[@majlisperbandarankulim](https://www.facebook.com/majlisperbandarankulim)



[@info\\_mpk](https://www.instagram.com/info_mpk)




[@mediampkk22](https://twitter.com/mediampkk22)

# OPERASI PEMATUHAN SOP

**10 Jun 2021** – OPERASI PEMATUHAN SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 BAGI PREMIS PERNIAGAAN DAN DI SEKITAR DAERAH KULIM.

Operasi bersepadu terhadap premis-premis perniagaan dan kawasan rekreasi di sekitar kawasan kulim yang turut disertai oleh Pihak PDRM adalah bagi memastikan peniaga dan orang ramai mematuhi SOP PKP Penuh Fasa Pertama yang dikuatkuasakan bermula 1 Jun 2021.

Sehingga 8 Jun 2021, sebanyak 2,255 premis telah dibuat pemeriksaan meliputi premis-premis seperti kilang, pasaraya, restoran, pasar awam dan premis-premis perniagaan dan perkhidmatan lain.



# PROGRAM VAKSIN COVID-19



**12 JUN 2021** – Program Vaksinasi Covid-19 di Dewan Bandaran dibawah seliaan Pejabat Kesihatan Daerah Kulim.

Walau di hari cuti, Frontliner kita tetap teguh melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

Tahniah buat semua orang Kulim yang telah hadir memenuhi Temujanji Vaksin anda !

Terima kasih buat semua para Sukarelawan MyVac dan Anggota JPAM yang membantu melancarkan program vaksinasi.



# LENSA MPKK



# KUMPULAN INOVASI SPAH-Q

**12 Jun 2021** - Tahniah diucapkan kepada Kumpulan Inovasi SPAH-Q yang telah berjaya mewakili Majlis Perbandaran Kulim ke Peringkat Akhir Pertandingan Piala Inovasi YB Menteri KPT anjuran Persatuan Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA).

Pertandingan yang dibawakan melalui format norma baharu secara sidang atas talian.



Dengan membawa Produk K-FREE (Penapis Air Hujan) Pasukan telah berjaya menerima Geran KPKT bernilai RM 25 Ribu bagi pembangunan dan pelaksanaan projek inovasi.

Produk yang telah menerima Sijil Paten dan mendapat Perakuan Pendaftaran Rekabentuk Perindustrian (ID) ini juga telah mendapat pelbagai pengiktirafan antaranya APQO Intenational ACE Awards 2019.

Tahniah dan selamat maju jaya diucapkan kepada seluruh Ahli Kumpulan serta Fasilitator Tn Hj Ar. Nazri Bin Harun, Pengarah Jabatan Bangunan MPKK.

Tahniah juga kepada semua PBT yang terlibat dalam usaha meng-inovasikan perkhidmatan ke arah yang lebih baik.



# PEMATUHAN SOP DI MARKET KULIM



**13 Jun 2021** - Dikala kita masih dalam keadaan memerangi wabak, pematuhan kepada SOP amat penting. Elak bersentuhan. Dalam situasi penjarakan fizikal agak sukar dilakukan, pemakaian pelitup muka dengan betul pastinya menjadi pelindung utama kita.

Terima kasih kepada semua para peniaga dan pengunjung yang memberi kerjasama baik.



# PENUTUPAN TAMAN TASIK PUTRA



**16 Jun 2021** - Penutupan Taman Tasik Putra dan Dataran Putra bagi aktiviti sukan dan rekreasi.

Merujuk kepada Arahan PKP bertarikh 15 Jun 2021, Aktiviti sukan dan rekreasi dilakukan secara individu di Kawasan terbuka tanpa bersentuhan fizikal TERHAD kepada jogging dan senaman sahaja dan dilakukan di Kawasan kejiranan bermula 7pagi sehingga 8malam.





# SELAMAT HARI PEKERJA PEMBERSIHAN 2021




**17 Jun 2021** - Dengan tema sambutan “Keringat Teringat-ingat”, anda merupakan Wira yang seharusnya menjadi kebanggaan kerana sentiasa memberi khidmat memastikan kebersihan dan kelestarian alam sekitar terus terjaga dan terpelihara.

Keberadaan mereka kadangnya tidak kita sedari dan tidak pula kita peduli tetapi ketiadaan mereka dengan pantas kita sedari. Itulah pekerja pembersihan, HERO yang bertanggungjawab memberikan kita nikmat suasana kehidupan yang lebih bersih dan selesa.

Terima Kasih Para Petugas Kebersihan.

# OPS PEMATUHAN

## WAKTU OPERASI TEMPOH PKP



**18 Jun 2021** - Hasil pemantauan bermula jam 8 malam mendapati hampir semua premis perniagaan mematuhi garis panduan waktu operasi yang ditetapkan dalam tempoh PKP.

Untuk mengelakkan salah faham orang ramai, nasihat dan teguran diberikan kepada penjaja dan premis yang kelihatan seperti masih beroperasi untuk menyegerakan kerja pembersihan dan penutupan.

Terima kasih kepada semua pihak yang memberikan kerjasama baik.



# KERJA-KERJA PEMBERSIHAN



**20 Ogos 2021** - Hujan lebat kebelakangan ini menyebabkan beberapa saluran terhalang dengan pelbagai sampah dan reba.

Kerja-kerja pembersihan sedang giat dilaksanakan di beberapa saluran utama bagi melancarkan pergerakan air seterusnya mengelakkan kejadian banjir kilat.

Tuan Yang Dipertua MPKK, Dr. Haji Nadzman Bin Haji Mustaffa turut hadir bagi melihat sendiri keadaan semasa agar tindakan sewajarnya boleh dilaksanakan.



# GOTONG-ROYONG PEMBERSIHAN AKIBAT BANJIR



**21 Ogos 2021** - Majlis Perbandaran Kulim hari ini turun bersama rakan PBT dan agensi yang lain membantu membersihkan kawasan yang terjejas akibat banjir di Daerah Yan.

Tuan Yang Dipertua MPKK, Dr. Haji Nadzman Bin Haji Mustaffa turut sama hadir membantu menjalankan kerja-kerja pembersihan di Dewan Majlis Daerah Yan.



# KIBAR JALUR GEMILANG


Jalur Gemilang adalah lambang negara yang mampu membangkitkan semangat patriotism dalam hati setiap rakyat Malaysia. Kibarkan Jalur Gemilang kebanggaan kita tanda sayang dan cinta pada negara.

Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini masih mengekalkan tema yang sama, Malaysia Prihatin. Aspirasi berterusan dalam menyemai rasa cinta kepada negara, selain menyemarakkan semangat kebersamaan ketika kita masih memerangi pandemik Covid-19 semenjak lebih setahun yang lalu.



Teruskan berdoa dan berharap agar negara segera pulih dari wabak Covid-19, dan kita dapat kembali kepada kehidupan normal dan mengecapi kemakmuran bersama.

# LENSA MPKK



# MOVAK MOBILISASI LAWATAN VAKSIN KOMUNITI



27 Ogos 2021 - Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) di Stadium Kulim pada 27 - 28 Ogos 2021.

Program tersebut merupakan inisiatif KPKT Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara dan Perbadanan PR1MA Malaysia dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kulim.

Terima kasih kepada Warga Kulim yang memberi kerjasama baik dan penuh bersemangat hadir mendapatkan Vaksinasi Covid-19.

